

06/06/2002

IMF punca ekonomi dunia terjejas

KUALA LUMPUR, Rabu - Persidangan Serantau Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa (UNI) Pejabat Rantau Asia Pasifik (Apro) pertama di sini, hari ini membidas Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia kerana menyebabkan kerosakan teruk kepada ekonomi dunia.

Dalam kenyataan pada akhir persidangan tiga hari itu, UNI-APRO berkata, kedua-dua institusi kewangan antarabangsa itu membiarkan atau memusnahkan modal sosial atau perlindungan sosial ketika menggalakkan dan melindungi aliran bebas modal merentasi sempadan.

"Kesan buruk globalisasi terhadap pekerja dan masyarakat kebanyakan di Asia akan terus meningkat berikutan iklim ekonomi yang memihak kepada pemilikan dan penswastaan ekonomi berasaskan falsafah neo-liberal sempit yang bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran serta disokong institusi antarabangsa tidak telus.

"Globalisasi menyebabkan peningkatan pengangguran dan pergerakan bebas pekerja merentas sempadan negara kerana majikan cuba mengeksploitasi buruh asing, terutamanya kumpulan lemah seperti wanita. Keadaan ini serta sikap masyarakat yang sombong meningkatkan lagi ketidakadilan, diskriminasi dan kebencian kaum," kata kenyataan itu.

Kenyataan tiga muka surat itu diluluskan pada sesi persidangan hari ini yang dihadiri kira-kira 500 perwakilan, mewakili dua juta anggota di rantau Asia-Pasifik. Hadir sama Presiden UNI-Majlis Perhubungan Malaysia, Mohamed Shafie BP Mammal, Presiden UNI-APRO, Joseph De Bruyn, dan Setiausaha Agung UNI, Philip Jennings.

Persidangan yang bertemakan "Pekerjaan dan Keadilan Dalam Dunia Global" dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

UNI yang dilancarkan pada 1 Januari 2000, dianggotai lebih 900 kesatuan sekerja di lebih 140 negara yang mewakili lebih 15 juta anggota di seluruh dunia.

Persidangan itu juga sepakat menyokong wawasan bagi mewujudkan dunia globalisasi lebih adil dengan kesatuan sekerja menjadi sebahagian daripada semua proses pembangunan sosial dan ekonomi.

Ia bertekad memastikan kewujudan kesatuan sekerja dalam setiap sektor ekonomi dan menyokong tindakan serantau dan sejagat bagi memastikan proses globalisasi menggalakkan pekerjaan dan memantapkan demokrasi.

"Kami bertekad menjadikan kesatuan sekerja pergerakan moden yang mampu berurusan dengan perbadanan multinasional di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, dan bagi memajukan tuntutan pekerja untuk pekerjaan yang terjamin dan berkualiti," menurut kenyataan itu.

(END)